
Title	Membentuk keluarga
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1994 Muhammad Ariff bin Ahmad

Muhammad Ariff Ahmad

Membentuk keluarga

1 Mukadimah

Saya telah diminta mengisi ruangan ini dengan $6 \times \pm 600$ perkataan, makalah yang membicarakan masalah keluarga yang mungkin dapat dicontohi para penyelenggara keluarga muda untuk mencapai apa yang dinamakan 'keluarga bahagia'. Suatu contoh 'keluarga bahagia' telah saya tuliskan dalam bentuk *novellette* yang saya beri nama *Sarah Pengarang Kecil*. SPK telah dicetak dan diterbitkan pada Oktober 1958, dan cetakan yang ke-6nya telah diterbitkan pada September 1993.

Memandangkan peratusan perceraian pasangan Islam di Singapura begitu tinggi, maka mulai dari tahun 1981, pihak Pendaftar Pernikahan, Mahkamah Syariah dan Lembaga Pentadbir (beberapa) Masjid kita telah bersetuju mengadakan kursus 'rumahtangga' [bukan urusan rumahtangga] bagi calon-calon suami isteri yang diarahkan Pendaftar Pernikahan. Mulai dari tahun itu dibuat peraturan: sesiapa yang hendak bernikah diharuskan mendaftarkan diri tiga bulan sebelum tarikh pernikahannya supaya sesiapa yang dianggap perlu akan diarahkan menghadiri kursus rumahtangga itu.

Alhamdulillah, kursus rumahtangga itu telah dapat juga membantu menurunkan angka peratusan cerai itu, tahun demi tahun, namun masih terdapat banyak juga pasangan yang tidak berjaya mengamalkan pengetahuan yang diperolehi dari kursus-kursus tadi; sehingga beberapa kumpulan penasihat atau konselar perlu ditubuhkan pula untuk membantu pasangan yang bermasalah dalam tempoh lima tahun pertama pernikahannya itu.

Pagi Rabu 16 Februari 1994, saya ditelefon seorang 'penentu' perceraian orang-orang Islam bertanyakan "apakah yang dimaksudkan dengan perkataan *tak ada jodoh* menurut pengertian bahasa dan budaya Melayu?" Saya jawabkan:

- Seseorang yang tidak berkahwin hingga tua atau hingga ke akhirnya hayatnya atau orang yang sudah bertunang, tiba-tiba tak jadi kahwin dibahasakan orang dengan kata *tak ada jodoh*.
- Pasangan suami isteri yang hendak bercerai, kadang-kadang menggunakan alasan dengan kata *sudah habis jodoh*.
- Orang yang belum mendirikan rumah tangga tidak kira apa pun sebabnya selalu dikatakan orang *belum ada jodoh*, dan
- Orang yang sedang memilih-milih calon pasangannya dikatakan *sedang mencari jodoh*. Ada juga permainan yang dinamakan '*mencari jodoh*'.

2 Memilih Jodoh

Rata-rata isi kursus yang diberikan kepada calon pengantin ialah yang mengenai hukum pernikahan menurut Islam, tanggung jawab suami isteri, mengaturkan belanjawan rumah tangga, hubungan dengan ibubapa mentua dan keluarga si bojo serta pengetahuan agama yang fardhu 'ain. Tentang bagaimana dan apakah kriteria memilih isteri tidak dibincangkan kerana masing-masing calon suami peserta kursus sudah punya calon isterinya yang dipilihnya.

Pembinaan suatu keluarga adalah bermula dari pembentukan suami dan isteri. Pembentukan suami isteri itu hendaklah sempurna jika kita mahu membina keluarga yang sempurna. Ada peribahasa Melayu yang berkata *di hulu keruh di hilirnya pun tentu keruh juga*. Dalam kes pembinaan keluarga begini, peribahasa itu memberi isyarat bahawa 'memilih isteri' adalah menjadi asas bagi pembentukan rumah tangga yang sempurna. Masalah yang menimpa pasangan itu sukar diselesaikan jika masalah itu berkait dengan *silap pilih calon*.

Hadis Bukhari dan Muslim meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, yang maksudnya: *perempuan itu dikahwini kerana empat perkara; kerana cantiknya, kerana keturunannya, kerana hartanya atau kerana agamanya, tetapi pilihlah yang beragama*. Dan Hadis Nisai dan lain-lain pula telah meriwayatkan: selanjutnya Rasulullah menegaskan bahawa *perempuan yang terbaik (beragama) itu: bila kau lihat, menyenangkan; bila kau perintah, dia mematuhi; bila kau beri janji, diterimanya dengan baik; dan bila kau berpergian, dijaganya dirinya dan hartamu dengan baik*.

Mari kita periksa bagaimana kaedah memilih jodoh yang pernah dilaksanakan orang-orang Melayu dari zaman ke zaman supaya dapat kita pilih yang terbaik untuk diteladani pembina keluarga masa kini.

(1) Zaman Pra-1920-an membawa ke awal 1930-an. Asas pembentukan keluarga dirancangan ibubapa. Pemilihan jodoh ditentukan ibubapa, maka pemilihan berlaku bukan atas dasar *si bujang memilih isteri* tetapi atas dasar *ibubapa memilih menantu*. Pilihan memang dibuat dengan memberikan keutamaan kepada 'yang beragama', yang bagus amalan agamanya, yang baik tingkah lakunya, yang taat kepada ibubapanya, yang sopan dan hormat kepada orang tua, yang pandai mengurus makan pakai suaminya, yang pandai mengasuh dan mendidik anaknya.

Dalam pada itu hal-hal yang berkaitan dengan keturunan, kerupawanan, umur, kesihatan dan kemampuan diambil kira juga ketika pilihan dan penentuan dibuat. Bantuan tuakan risik dan pawang raksi digunakan dalam pemilihan begitu. Sistem ini mewujudkan banyak perkahwin antarapupu; malah sesetengahnya mewujudkan apa yang diungkap orang dengan kata 'keluarga 69'.

(2) Zaman pertengahan 1930-an membawa ke akhir 1940-an. Anak-anak muda pada masa itu, terutama yang terpelajar sekular membantah kaedah itu. Mereka menggelar sistem *ibubapa memilih menantu* itu dengan kata 'kahwin paksa'. Sebagai kesan daripada membaca beberapa buah novel yang ditulis Angkatan Pujangga Baru [Indonesia] dan penulis-penulis 1930-an [Malaya], mereka protes sistem kahwin paksa itu. Mereka mahu rumahtangga mereka dibentuk atas dasar *cinta dahulu baru kahwin* bukan *kahwin dahulu baru membentuk cinta*.

Mereka mahu calon isterinya adalah wanita pilihannya sendiri, yang lainnya biar diatur oleh ibubapanya. Kalaupun calon isteri itu dipilih ibubapa, tetapi si bujang mahu dia diajak berunding - bukan setakat diberitahu sahaja - untuk menentukan sama ada dia bersetuju atau tidak dengan pilihan ibubapanya itu. Pilihan begini biasanya dibuat setelah bakal pasangan suami isteri itu berkenalan, berutus-utusan surat, memadu janji dan sebagainya. Setelah kedua-dua calon itu bersetuju hendak mendirikan rumah tangga, barulah ibubapa diberitahu untuk menguruskan hal-hal lain yang berkenaan dengan perkahwinan itu. Sistem begini telah menimbulkan banyak juga masalah *menantu perempuan vs ibu mentua*.

(3) **Zaman 1950-an hingga 1970-an.** Teori anak muda 1930 dan 1940-an mengenai sistem *memilih isteri* itu sudah menjadi praktis anak muda zaman ini. Keterdedahan muda-mudi kepada kesekularan dan kepada perubahan budaya kampung menjadi budaya bandar telah membuka ruang sosial muda-mudi zaman ini begitu luas. Wewenang ibubapa dalam hal pemilihan dan penentuan jodoh anaknya menjadi semakin tidak terkontrol.

Maka beransur-ansurlah, pemilihan yang dianjurkan Rasulullah tadi walaupun nampaknya diperhatikan juga tetapi, tidaklah lagi menjadi keutamaan. Sistem begini telah mendorong tren sama ada si suami tinggal bersama mentuanya atau tren pemecahan 'keluarga berangkai' Melayu menjadi menjadi 'keluarga nuklear'.

(4) **Zaman 1980 dan 1990-an.** Kaum terpelajar Melayu/Islam lelaki perempuan bertambah. Bilangannya bertambah dan tingkatan keterpelajarannya juga bertambah. Ibumama yang tidak *menari ikut gendang* mula dianggap sebagai 'Quran buruk' sahaja. Hendak dibuang takut berdosa, hendak dibaca tidak terbaca. Jadi, sebagai tanda hormat diletakkan dia di tempat yang tinggi, yang mulia dan sekali sekala ia dipamerkan. Kebanyakan anak muda golongan ini menganggap bahawa *perkahwinan itu adalah urusan peribadi* - bukan urusan keluarga, apalagi urusan masyarakat. Maka segala urusan perkahwinan itu diuruskan sendiri; manakala peranan kebanyakan ibubapa akan menjadi 'tukang endorse' sahaja.

Nah! Setelah kita perhatikan keempat-empat sistem *memilih jodoh* dalam empat zaman itu, dapatlah kita bandingkan yang mana satu antara sistem itu yang terbaik kita jadikan asas pembentukan keluarga kita. Jika kita dapati semua sistem itu tidak baik atau tidak sesuai, dengan zaman mengapa tidak sama-sama kita fikirkan satu kaedah baru yang dapat dijadikan garis panduan pada para calon pembina keluarga supaya dapat mereka bentuk keluarganya menjadi 'keluarga yang ceria'.

Sekian dahulu. Insya Allah kita jumpa pula di keluaran lain.